

08/08/2001

Golongan ekstrim dalam Pas wujud sejak 1960-an

Azman Mahmood

KOTA BHARU, Selasa - Bekas aktivis Pas yang juga bekas Setiausaha Dewan Ulama Pas Kelantan, Wan Ismail Wan Ahmad, mengakui golongan ekstrim dalam parti itu wujud sejak tahun 1960-an lagi.

Malah, beliau mendakwa sebelum ini ada pemimpin Pas menyatakan amat sukar untuk menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional (BN) diterajui Umno jika parti itu terus menggunakan pendekatan demokrasi (menerusi pilihan raya).

Beliau berkata, dalam Pas ada dua golongan iaitu yang mahu berjuang menggunakan pendekatan secara kekerasan, manakala satu lagi mengikut cara demokrasi.

Katanya, contoh paling mudah untuk melihat wujudnya golongan ekstrim Pas ialah peristiwa Memali, di Baling, Kedah, apabila penyokong parti itu sanggup menentang kerajaan secara kekerasan.

Wan Ismail turut mendakwa Ibrahim Libya, aktivis Pas yang terbabit dalam peristiwa berdarah itu pernah menyatakan jika Pas berjuang untuk mengambil alih tampuk pemerintahan negara secara demokrasi, ia mustahil menjadi kenyataan.

"Saya tahu benar mengenai Pas ini (ada golongan ekstrim). Ibrahim pernah menyatakan kepada saya (Pas) dengan cara (perjuangan) demokrasi mustahil boleh menang. Sebaliknya, saya memberi nasihat (kepada Ibrahim) supaya (Pas) berjuang mengikut jalan demokrasi.

"Inilah antara kenyataannya (Ibrahim) yang masih dalam ingatan saya ketika berjuang dan menjadi aktivis Pas," katanya kepada Berita Harian ketika dihubungi, di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas pendedahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa ada segelintir ahli Pas diajar memikul senjata di luar negara dengan niat melakukan keganasan, termasuk menggulingkan kerajaan apabila pulang ke tanah air.

Sejak Jumaat lalu, 10 anggota Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM) ditahan polis mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), termasuk Nik Adli Nik Abdul Aziz, 34, anak Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Mereka ditahan kerana dipercayai terbabit dalam kegiatan yang boleh memudaratkan keselamatan negara.

Mengulas kenyataan Nik Aziz yang kesal dan sedih kerana pihak berkuasa menggunakan ISA untuk menahan anaknya, Wan Ismail berkata ia sekadar mahu membela anaknya.

Katanya, sesiapa saja yang ditahan mengikut ISA, soal bersalah atau tidak seseorang itu tidak berbangkit tetapi yang jelas ia antara lain digunakan untuk mencegah golongan yang terbabit dalam gerakan yang boleh memudaratkan keselamatan negara dan rakyat.

"Saya bekas ahli Pas yang mempunyai pengalaman sebagai bekas tahanan ISA dari 1967 hingga 1969 dan pengalaman ini tidak ada pada Nik Aziz, kecuali kesal dengan anaknya yang ditahan mengikut akta itu.

"Kalau nak kira kecewa, bayangkan saya pernah menjadi Setiausaha Penerangan Pas kepada Nik Aziz pada 1967 dalam pilihan raya kecil Parlimen Kelantan Hilir yang dimenangnya dan mula-mula menjadi wakil rakyat.

"Bagaimanapun, tidak pernah dia bertanya khabar atau melawat apabila saya ditahan ISA dan ditempatkan di Batu Gajah, Perak, sebulan selepas pilihan raya itu sehingga saya dibebaskan," katanya.

Sehubungan itu, beliau menghormati dan memuji tindakan pihak berkuasa yang terus mengambil tindakan tegas, termasuk menggunakan ISA terhadap mereka yang dikenal pasti terbabit dengan kegiatan militan agama seperti

ke atas anggota KMM.

(END)